

Sanggah haram parti bukti Anwar lebih rasional

Kuala Lumpur: Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim menghalang Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada mengharamkan UMNO menunjukkan Perdana Menteri jauh lebih rasional berbanding pimpinan pembangkang.

Malah, Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yakub, berkata tindakan Anwar juga membuktikan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu lebih

memahami dan menghargai perjuangan UMNO, berbanding Mahathir dan Muhyiddin meskipun kedua-duanya juga datang daripada UMNO.

"Kita tahu mengenai usaha mereka (pemimpin BERSATU) nak haramkan UMNO pada 2018, namun tidak pernah dimaklumkan bahawa Anwar ada memainkan peranan dalam menggagalkan usaha terbabit.

"Daripada pendedahan itu

terbukti bahawa Anwar lebih rasional dalam perkara ini kerana beliau memahami dan menghargai sejarah UMNO yang memperjuangkan kemerdekaan.

"UMNO bukan parti ditubuhkan di tepi longkang atau di tepi bendang, tapi ada sejarah serta rekod yang panjang. Sebab itulah Anwar halang Mahathir dan Muhyiddin daripada haramkan UMNO," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian ke-

tika mengulas pendedahan Anwar ketika berucap di Kedah pada Malam Sabtu lalu yang mendakwa Mahathir dan Muhyiddin merancang untuk mengharamkan UMNO ketika menadbir negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Mengenai kenyataan Tan Sri Annuar Musa bahawa tidak wujud usaha mengharamkan parti itu pada 2018, Mutapha berkata ia menjadi bukti kegagalan be-

kas Ahli Parlimen Ketereh itu dalam menjalankan tugas sebagai Setiausaha Agung UMNO ketika itu.

"Sebagai Setiausaha Agung UMNO masa itu, mustahil dia tak tahu. Dia yang buat-buat tak tahu dan ini bukti dia gagal sebagai Setiausaha Agung.

"Dia buat penafian ini kerana ada kepentingan peribadi (kerana) yang nak haramkan UMNO itu konco dia," katanya.